

**NO. SOALAN: 72**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH  
[ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6822**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan anggota militan yang ditangkap kerana disyaki terlibat dengan kegiatan ingin menggulingkan Kerajaan dan merancang aktiviti keganasan di luar negara termasuk berselindung di sebalik misi kemanusiaan dan nyatakan langkah Kerajaan bagi membanteras kegiatan seumpama itu.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua**

Bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera daripada ancaman keganasan, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM sentiasa memantau dan mengadakan kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun, saya memberi jaminan bahawa pihak PDRM akan menjalankan siasatan terhadap mana-mana kumpulan militan mahupun kumpulan-kumpulan lain yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Bahkan, Kerajaan memberi jaminan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 sudah mempunyai peruntukan mencukupi dalam membendung aktiviti pengganas.

Dalam usaha untuk menangani kebangkitan kumpulan militan, beberapa usaha telah dilakukan dengan menyiasat aktiviti-aktiviti kumpulan yang mencurigakan dan memantau individu-individu yang pernah terlibat dalam kumpulan militan yang sedia ada. Usaha seterusnya adalah dengan mengadakan beberapa siri program pemulihan kepada orang-orang tahanan dan ahli keluarga mereka. Kerjasama yang rapat juga dilakukan dengan agensi risikan asing bagi membendung kemasukan elemen militan dari luar negara.

## **Tuan Yang DiPertua**

**Sehingga hari ini, PDRM telah berjaya menangkap seramai 252 individu dari pelbagai kumpulan militan termasuk Al-Qaeda, Jemaah Islamiah (JI), Darul Islam (DI), *Liberation Tiger of Tamil Eelam* (LTTE) dan lain-lain kumpulan pengganas yang terlibat dengan aktiviti keganasan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci maklumat ini agar tidak menjelaskan siasatan dan risikan yang berterusan oleh pihak PDRM.**